

SULIT

45/1

45/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Percubaan PMR

Ogos 2012

2 jam

Nama :

Tingkatan :



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN



PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2012

PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab satu soalan daripada **Bahagian A dan semua soalan dalam Bahagian B.***

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

45/1 2012 MPSM

[Lihat sebelah
PEND ISLAM 3_1 P_PMR 2012

Bahagian A
[20 markah]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَنَبِئِ
الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿٢٥٦﴾
(سورة البقرة 256)

Ayat di atas menerangkan bahawa setiap manusia yang hidup di dunia ini pasti akan menempuh pelbagai ujian sama ada berbentuk kesenangan atau kesusahan.

- (i) باتاكن فغرتين كلمة يع بر كاريس. [2 markah]
(ii) Berdasarkan ayat di atas, senaraikan dua bentuk ujian Allah. [2 markah]
(iii) Jelaskan dua hikmah ujian Allah SWT kepada manusia. [4 markah]
(iv) Mengapakah Allah SWT menurunkan musibah kepada manusia? [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : مَنْ رَأَى
مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ . (رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan tentang tanggungjawab setiap mukmin dalam mencegah kemungkaran.

- (i) Apakah maksud kemungkaran? [2 markah]
(ii) Senaraikan dua contoh kemungkaran yang sering berlaku dalam masyarakat. [2 markah]
(iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencegah kemungkaran yang berlaku di sekolah? [2 markah]

SULIT

45/1

- (c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Seorang muslim bukan hanya dikehendaki menghormati saudara seagamanya, malah dia dituntut menghormati orang bukan Islam berdasarkan ikatan kemanusiaan.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقِنْتَهُ لِبَدٍ لَّيْلٍ ۖ فَنَزَّلْنَا بِهِ مِنَ الْمَاءِ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ ۗ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتَهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرِجُهُ إِلَّا نَكْدًا ۗ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

(سورة الأعراف: 57-58)

Ayat di atas menjelaskan tentang bukti kekuasaan Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas:

- (i) باتاكن فغرتين كلمة يعبركاريس. [2 markah]
- (ii) Berikan maksud bersyukur. [2 markah]
- (iii) Nyatakan perbezaan di antara orang yang bersyukur dengan orang yang tidak bersyukur. [4 markah]
- (iv) Jelaskan pengajaran yang boleh diambil daripada ayat di atas. [2 markah]

SULIT

45/1

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عن أبي بكر رضي الله عنه عن النبي ﷺ قال : أُغْدُ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مَحِبًّا
وَلَا تُكُنِ الْخَامِسَةَ فَتَهْلِكُ.
(رواية الطبراني)

Hadis di atas menerangkan tentang kepentingan ilmu pengetahuan.

Berdasarkan hadis di atas:

- (i) Nyatakan **dua** saranan Rasulullah SAW. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat tidak mempunyai ilmu pengetahuan. [4 markah]
- (c) Tulis semula rangkai kata yang bergaris dalam petikan di bawah dengan menggunakan tulisan Jawi.

(i)
Perpaduan dan persaudaraan merupakan elemen yang sangat
(ii)
penting dalam Islam. Tamadun Islam dapat dibangunkan dengan
(iii)
pesat sekiranya perpaduan diberi keutamaan. Sebaliknya,
(iv)
umat akan menjadi lemah sekiranya berlakun perpecahan.

[4 markah]

SULIT


45/1

Bahagian B

[80 markah]

Jawab **semua** soalan.

3. (a) (i) Jadual di bawah menunjukkan aspek perbincangan ilmu akidah. Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul. [2 markah]



Jadual 1

- (ii) Nyatakan ciri-ciri akidah yang salah. [4 markah]
- (b) Ar-Rahman bermaksud Allah SWT Maha Pemurah.
- (i) Berikan **dua** bukti Allah SWT bersifat ar-Rahman. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sifat ar-Rahman dan ar-Rahim. [4 markah]
- (c) As-Sirat adalah sebahagian daripada marhalah akhirat.
- (i) Apakah maksud as-Sirat? [2 markah]
- (ii) Senaraikan contoh amalan yang perlu dilakukan supaya selamat melintasi titian Sirat. [4 markah]

4. (a) Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis najis dan pengertiannya.

Perkara	Pengertian
P	Air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur di bawah 2 tahun yang hanya minum susu ibunya sahaja.
Najis Mutawassitah	Semua jenis najis selain daripada najis Mukhafafah dan Mughallazah.
Q	Najis anjing dan babi serta keturunan kedua-duanya atau salah satu daripadanya.

Jadual 2

SULIT

45/1

- (i) Tulis jawapan bagi P dan Q. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara anda membersihkan najis Mutawassitah. [2 markah]
- (iii) Senaraikan bahan yang boleh digunakan untuk bersuci. [2 markah]
- (b) Allah SWT memberikan rukhsah kepada umat Islam yang tidak mampu berpuasa dalam bulan Ramadhan.
- (i) Nyatakan **dua** golongan yang mendapat rukhsah tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah rukhsah puasa. [4 markah]
- (c) Menguruskan jenazah adalah satu kefardhuan kepada orang yang hidup.
- (i) Nyatakan tindakan awal yang perlu dilakukan apabila berlaku kematian. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah kedudukan imam ketika menyembahyangkan jenazah berikut?
- Jenazah kanak-kanak lelaki
 - Jenazah perempuan
- [2 markah]

Soalan 4 (d) (i) hingga 4 (d) (iv)

Makruh	Sah	Tidak Sah	Haram	Harus
--------	-----	-----------	-------	-------

Jadual 3

- (d) Berdasarkan Jadual 3 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:
- (i) Fatimah menunaikan zakat fitrah setelah terbenam matahari 1 Syawal. [1 markah]
- (ii) Ahmad terlupa membaca selawat ke atas Nabi pada tahiyat akhir. [1 markah]
- (iii) Imran berniat puasa sunatnya pada jam 9 pagi ketika masih belum bersarapan. [1 markah]
- (iv) Ashila berwuduk sambil bercakap dengan adiknya. [1 markah]
- 5 (a) Piagam Madinah telah diiktiraf sebagai perlembagaan bertulis pertama di dunia.
- (i) Apakah maksud Piagam Madinah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** isi kandungan Piagam Madinah. [2 markah]
- (iii) Huraikan **dua** kesan Piagam Madinah dari segi politik. [4 markah]

- (b) Saidatina Khadijah radiallahuanha merupakan isteri pertama Rasulullah SAW.
- Berapakah usia Saidatina Khadijah ketika beliau berkahwin dengan Rasulullah SAW? [1 markah]
 - Berikan bilangan cahayamata beliau bersama Rasulullah SAW? [1 markah]
 - Nyatakan dua sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi oleh wanita hari ini. [4 markah]

Soalan 5 (c) (i) dan Soalan 5 (c) (ii)

وَيُؤْمِنُ	الْحَكِيمِ	وَالْمَلَكَةِ	بِالْقِسْطِ	الرُّشْدِ	الْوَثْقَى
(6)	(5)	(4)	(3)	(2)	(1)

Jadual 4

- (c) Berdasarkan Jadual 4, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

(i)

<p>لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ (P) مِنَ الْغَيْبِ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّغُوتِ (Q) بِاللَّهِ</p> <p>فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ (R) لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ</p> <p>(سورة البقرة 256)</p>

[3 markah]

(ii)

<p>شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ (S) وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا (T) لَا إِلَهَ</p> <p>إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ (U)</p> <p>(سورة ال عمران 18)</p>
--

[3 markah]

SULIT

45/1

6. (a) Guru ialah golongan kedua selepas ibu bapa yang berperanan memberi pendidikan kepada anak-anak dan masyarakat.

- (i) Jelaskan cara anda beradab dengan guru. [4 markah]
- (ii) Nyatakan hikmah menghormati guru. [2 markah]

(b)



Gambar 1

Doa merupakan senjata bagi orang mukmin

- (i) Nyatakan **dua** kepentingan berdoa dalam kehidupan. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** tempat mustajab doa. [2 markah]
 - (iii) Mengapakah doa sesetengah manusia tidak dimakbulkan oleh Allah SWT? [2 markah]
- (c) Allah SWT telah menurunkan pelbagai nikmat dan musibah kepada manusia.
- (i) Apakah maksud nikmat? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** cara bersyukur melalui perbuatan. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** kepentingan beradab ketika menerima nikmat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT